



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142
Suku Kedua 2025 rekod 5 Kompaun**

1. Pemeriksaan rutin harian Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah merekodkan sebanyak tiga belas (13) kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di dalam Suku Kedua tahun 2025. Kerja penguatkuasaan ini adalah di antara usaha berterusan JPES dalam memastikan kepatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
2. Hasil pemeriksaan JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna telah mendapati kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 yang kerap dilakukan oleh peniaga adalah menjual barangan yang dikawal harga iaitu minyak masak dan susu tepung formula, melebihi harga maksimum yang ditetapkan, dan tidak mempamerkan tanda harga pada sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan atau mempamerkan tanda harga yang mengelirukan.
3. Berikutan kesalahan-kesalahan tersebut, lapan (8) Notis Amaran telah dikeluarkan di dalam Suku Kedua tahun 2025. Sementara lima (5) kompaun dikenakan kepada lima buah premis perniagaan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dengan keterangan kesalahan seperti di bawah, di mana nilai kompaun adalah tertakluk kepada kekerapan kesalahan dilakukan oleh premis perniagaan:

Bil.	Syarikat Perniagaan	Kesalahan	Kompaun
1	B Sulaiha Sdn Bhd, Mulaut	Bab 3B: Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga	\$500.00
2	Mahamas Sdn Bhd, Subok		\$700.00
3	Intelek Enterprise, Subok		\$500.00
4	De Rimba Department Store, Rimba	Bab 5: Kesalahan berkaitan Paparan Tanda Harga	\$700.00
5	Guardian Health & Beauty (B) Sdn Bhd, Lambak		\$500.00

4. Peniaga diingatkan untuk menjalankan perniagaan yang beretika dengan tidak menjual barangan yang dikawal harga melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul serta tidak mengelirukan pengguna. Senarai harga terkini bagi barangan yang dikawal harga maksimum boleh diperolehi di dalam laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn.
5. Kegagalan dalam mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya boleh dikenakan denda maksimum sebanyak \$20,000.00 dan penjara selama lima (5) tahun bagi kesalahan yang berulang.
6. Di kesempatan ini, JPES merakamkan penghargaan terima kasih kepada orang ramai yang telah menyalurkan aduan secara bertanggungjawab dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran melalui saluran-saluran rasmi iaitu Talian Darussalam 123 dan e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn.

#####

Disediakan oleh:


Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (84)JPES/CAD/AKTA/PT.12

Tarikh : 8 Rabiulawal 1447 / 1 September 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

Price Control Act, Chapter 142 Enforcement Records 5 Compounds in Q2 2025

1. Daily routine inspections by the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) at the Ministry of Finance and Economy recorded thirteen (13) offences under the Price Control Act, Chapter 142 and its Regulations in the Second Quarter of 2025 (Q2 2025). This enforcement is part of the Department's ongoing efforts to ensure compliance with the Price Control Act, Chapter 142.
2. Following inspections conducted by DEPS through the Department of Consumer Affairs, it was found that the most prevalent offences committed by businesses under the Price Control Act, Chapter 142 are selling price-controlled items, specifically cooking oil and formula milk, above the prescribed maximum prices, as well as failing to display prices on certain items within business premises or displaying misleading prices.
3. As a result of the offences, eight (8) Warning Notices were issued in Q2 2025. In addition, five (5) compounds were imposed on five business premises under the Price Control Act, Chapter 142, with details of the offences outlined below. The values of the compounds are based on the frequency of violations committed by each business.

No.	Business Premises	Offences	Compound
1	B Sulaiha Sdn Bhd, Mulaut	Section 3B: Exceeding maximum prices and charges set by the Price Controller	\$500.00
2	Mahamas Sdn Bhd, Subok		\$700.00
3	Intelek Enterprise, Subok		\$500.00

No.	Business Premises	Offences	Compound
4	De Rimba Department Store, Rimba	Section 5: Infringements related to the Price Display Order	\$700.00
5	Guardian Health & Beauty (B) Sdn Bhd, Lambak		\$500.00

4. Businesses are reminded to conduct their operations ethically by not selling price-controlled items above the prescribed maximum prices, and by ensuring that prices are clearly and accurately displayed and not misleading to consumers. The latest maximum price list for price-controlled items is accessible on the DEPS website at www.deps.mofe.gov.bn.
5. Non-compliance with the Price Control Act, Chapter 142, and its Regulations may result in a maximum fine of \$20,000.00 and imprisonment for up to five (5) years for repeat offences.
6. The Department would like to take this opportunity to express its appreciation to members of the public who have responsibly submitted complaints through official channels, providing complete information along with supporting documents such as payment receipts. Complaints can be made via Talian Darussalam 123 or emailed to aduanpengguna@jpes.gov.bn.

#####

Prepared by:

Department of Economic Planning and Statistics

Ministry of Finance and Economy

Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (84)JPES/CAD/AKTA/PT.12

Date : 8 Rabiulawal 1447 / 1 September 2025